



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

MYIPO DAN CNIPA PERBAHARUI KERJASAMA DALAM BIDANG HARTA INTELEK

Sambutan Hari Harta Intelek Sedunia disambut pada 26 April setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran awam berkenaan kepentingan perlindungan harta intelek dalam memacu inovasi dan kreativiti. Tahun ini, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah memulakan sambutan lebih awal bermula 21 April dengan penganjuran pelbagai aktiviti dan program kesedaran sebagai usaha memperkukuh kefahaman awam terhadap kepentingan harta intelek.

Bagi tahun 2025, tema "*Muzik Kita, Milik Kita*" dipilih bagi mengangkat kepentingan pendaftaran hak cipta dalam industri muzik tempatan. Rasional kepada tema ini bertujuan menggalakkan lebih ramai penggiat seni untuk mendaftarkan karya muzik mereka secara rasmi sebagai langkah melindungi hak dan hasil ciptaan. Pada tahun 2024, daripada 9,363 jumlah permohonan melibatkan tujuh kategori karya, hanya 95 permohonan karya muzik dan 65 permohonan rakaman bunyi diterima. Bagi tahun ini, setakat 15 April 2025 pula, daripada 1,958 permohonan pendaftaran hak cipta, pendaftaran untuk karya muzik dan rakaman bunyi masih menunjukkan angka yang sangat rendah, masing-masing dengan hanya 3 dan 23 permohonan sahaja.

Sehubungan itu, MyIPO akan terus meningkatkan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi memperkasa advokasi kepentingan pendaftaran hak cipta berkaitan industri muzik. Sebagai langkah galakan, bersempena Sambutan Hari Harta Intelek Negara 2025 ini, MyIPO akan menawarkan pengurangan fi sebanyak 50 peratus bagi Permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta. Pengurangan Fi ini akan diberikan untuk tempoh 6 bulan bermula 26 April 2025. Pengurangan fi ini terpakai untuk karya-karya muzik, rakaman bunyi serta karya-karya berkaitan muzik yang dilindungi di bawah Akta Hak Cipta 1987.

Pada masa yang sama, selain meningkatkan kefahaman awam terhadap perlindungan harta intelek, KPDN melalui MyIPO juga komited untuk meningkat pembangunan kapasiti melalui kerjasama dengan pelbagai pihak. Sebagai contoh, baru-baru ini MyIPO telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama *China National Intellectual Property Administration* (CNIPA) bagi memperbaharui MoU sedia ada yang telah dimeterai pada tahun 2015. MoU baharu ini telah dimeterai pada 16 April 2025 semasa lawatan negara Presiden China, Xi Jinping ke Malaysia.

MoU ini bertujuan untuk memperluaskan skop kerjasama sedia ada antara kedua-dua pihak dalam bidang harta intelek merangkumi pertukaran maklumat, pembangunan strategi dan pelaksanaan amalan terbaik demi kepentingan bersama Malaysia dan China.

Antara inti pati utama MoU ini ialah:

1. Pemerkasaan Pemeriksaan Paten dan Laluan Pendakwaan Paten (PPH)

Kerjasama ini akan memperkukuh sistem pemeriksaan dan pemberian hak IP termasuk melalui pelaksanaan mekanisme PPH bagi mempercepat dan memperkemas proses permohonan paten antara kedua-dua negara.

2. Pembangunan Kapasiti dan Teknologi

Kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam pembangunan sumber manusia, latihan, pertukaran maklumat berkaitan dasar dan undang-undang IP serta penggunaan teknologi maklumat dalam perkhidmatan IP. kerjasama ini turut membuka ruang kepada Malaysia dalam mempelajari penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dari China khususnya dalam usaha mempercepatkan proses pemeriksaan permohonan paten dan cap dagangan.

3. Perlindungan Petunjuk Geografi (GI) dan Pengetahuan Tradisional

Tumpuan juga diberikan kepada usaha memperkukuh perlindungan petunjuk geografi (GI) yang berpotensi merangsang pembangunan ekonomi setempat melalui pengiktirafan terhadap produk unik sesebuah kawasan.

China merupakan destinasi utama eksport durian Malaysia termasuk daripada jenis popular seperti durian Musang King. Pada tahun 2024, nilai eksport durian ke China dianggarkan mencecah RM927.06 juta (USD212 juta), menjadikan China antara pasaran terpenting bagi hasil pertanian negara. Justeru, perlindungan produk tempatan melalui GI amat penting bagi memastikan produk nasional seperti Musang King dan Harumanis tidak dieksploitasi atau didaftar oleh pihak lain. Produk ini bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi, malah telah menjadi ikon Malaysia yang mampu mengukuhkan jenama negara dan menyokong sektor eko pelancongan.

KPDN melalui agensinya MyIPO komited untuk memastikan pelaksanaan segera MoU ini sebagaimana yang telah diarahkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri semalam. Dalam mesyuarat tersebut juga telah diputuskan supaya Kementerian Luar Negeri menjadi penyelaras bagi pelaksanaan semua MoU yang ditandatangani antara Malaysia dan China. Kunjungan kali kedua Presiden China ke Malaysia baru-baru ini telah menyaksikan kedua-dua negara menaik taraf hubungan diplomatik kepada Perkongsian Strategik Komprehensif.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Petaling Jaya
24 April 2025

